

Ada harapan masalah
dapat diatasi—Dr. M

60

Kerajaan tak akan tutup UUM

BHWA SEP 1974

MENTERI Pelajar-an, **Dr. Mahathir Mohamed**, malam ini mengumumkan bahawa Kerajaan mengambil keputusan tidak akan menutup Universiti Malaya.

Beliau berkata semua pensyarah dikehendaki melaporkan diri untuk bertugas seperti biasa esok.

"Kerajaan telah mengambil keputusan tidak akan menutup universiti kerana ada harapan untuk

Dr. Mahathir berkata bahawa setelah meneliti perkembangan terakhir di universiti itu, Kerajaan mengambil ketetapan untuk tidak menutup universiti tersebut "kecuali jika keadaan didapati benar-benar memerlukan."

Beliau menyatakan demikian bagi menjelaskan laporan terdahulu dari itu di Alor Setar yang menyebutnya sebagai berkata bahawa universiti itu akan ditutup esok.

Dr. Mahathir berkata, semasa membuat kenyataan itu beliau menyangka bahawa keadaan di universiti bertambah buruk.

Beliau juga menyatakan bahawa bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain akan terus diajar selaras dengan dasar membolehkan semua kaum mempelajari bahasa ibunda mereka.

"Tetapi kita mahu semua rakyat mempelajari dan menggunakan Bahasa Malaysia, sambil itu kita tidak pula patut tidak menghiraukan bahasa Inggeris yang menjadi bahasa dunia.

"Jika rakyat kita mengetahui banyak bahasa maka akan lebih baik bagi kita.

"Kita menggalakkan rakyat mempelajari bahasa Inggeris bukan kerana kita sayang atau mahu menjadi sebahagian dari jajahan British.

K. LUMPUR, Isnin

penyelesaian masalah yang berlaku sekarang," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika tiba di Kuala Lumpur sekembalinya dari Alor Setar.

Pendekkan

Beliau terpaksa memendekkan lawatannya ke Alor Setar kerana perkembangan baru di Universiti Malaya.

Dr. Mahathir menerangkan sekarang telah terdapat jalan bagi penyelesaian yang baik dicapai terhadap masalah di universiti itu.

Sama hadir di Lapangan terbang Antarabangsa di Subang pemangku Ketua Polis Negara, Dato Sri Mohamed Haniff Omar, yang telah mengadakan rundingan dengannya selama limabelas minit.

Talipon

Dr. Mahathir menerima panggilan talipon di Alor Setar ketika berucap dalam mesyuarat Peratuan Guru-guru Melayu Kedah (PGMK) di Pusat Serbaguna Syarikat Kerjasama Guru-guru Melayu di sini.

Selepas menerima panggilan talipon kali ketiganya, Dr. Mahathir terus mengumumkan melalui pembesar suara dalam dialog itu yang beliau terpaksa memberhentikan ucapannya kerana terpaksa pulang ke Kuala Lumpur dengan segera.

Beliau memberitahu para pemberita bahawa ada satu perkembangan baru di Universiti Malaya petang tadi.

Terdahulu dari itu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata tidak boleh diragukan bahawa bahasa Malaysia akan akhirnya menjadi bahasa pengantar yang tunggal bagi semua sekolah dari peringkat rendah hingga ke universiti.

Selaras

"Soalnya ialah kita telah mempelajari bahasa itu dan senang menggunakannya, tetapi kita juga mahu rakyat kita menggunakan Bahasa Malaysia untuk saling bertutur sesama sendiri," katanya.

Menteri Pelajaran itu mengulangi bahawa dasar pelajaran negara ini ialah untuk memperbaiki sistem pelajaran bagi faedah semua.

Mengenai dasar pelajaran, Dr. Mahathir berkata ianya akan dikaji semula untuk dapat dilaksanakan dengan licin dan mencapai kejayaan besar.

Menurutnya, Kerajaan mahu dasar pelajaran yang dapat diterima oleh semua pihak dan mewujudkan para pelajar yang berdisiplin.

Beliau berharap kalangan rakyat umum dan para pendidik tidak perlu kluatir tentang hasrat Kerajaan membentuk jawatankuasa pelajaran itu.

"Kerajaan tidak dapat membenarkan supaya para pelajar membentuk dasar pelajaran seperti yang berlaku di negara-negara lain umpamanya Amerika Syarikat.